

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DATO' SERI ONG KA CHUAN

KAWASAN : TANJONG MALIM

NO. SOALAN : 66

Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN [TANJONG MALIM] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan adakah Kementerian mempunyai rancangan jangka panjang untuk membangunkan PROTON CITY di Tanjung Malim sebagai sebuah kawasan perusahaan automobil antarabangsa, supaya jenama kereta selain daripada Proton juga dapat dipasang di PROTON City.

JAWAPAN

PROTON City di Tanjung Malim adalah inisiatif PROTON sendiri dan oleh itu aktiviti-aktiviti pembangunannya adalah bergantung kepada rancangan PROTON.

Di bawah Dasar Automotif Nasional (NAP), Tanjung Malim telah dikenal pasti sebagai salah sebuah zon automotif. Oleh yang demikian, ia turut dipromosikan sebagai destinasi pelaburan menarik bagi aktiviti

automotif. Pelabur sama ada tempatan atau luar negara memilih sesuatu lokasi pelaburan mengikut kesesuaian rancangan perniagaannya. Dalam hal ini, Kerajaan hanya membantu untuk mempermudah urusan pelaksanaan projek pelaburan tersebut.

Bagi operasi perkilangan PROTON di Tg. Malim yang telah bermula seawal 2002, perancangan untuk mengembangkan aktiviti-aktiviti perdagangan sedang diteliti seiring dengan Rancangan Perniagaan PROTON.